

# Pemahaman Makna Denotatif dan Makna Konotatif Simpulan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Kolej PERMATA@Pintar Negara, UKM

(*Understanding the Denotative and Connotative Meaning of Malay Idioms Among Students of PERMATA@Pintar Negara College, UKM*)

**Mariati Mokhtar<sup>1\*</sup>, Mazliza Mohtar<sup>1</sup>, Che Suriani Kiflee<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\* Pengarang Koresponden: [mariatimokhtar@ukm.edu.my](mailto:mariatimokhtar@ukm.edu.my)

Received: 28 September 2024 | Accepted: 20 December 2024 | Published: 31 December 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.5.16>

**Abstrak:** *Kajian mengenai simpulan bahasa telah banyak dilakukan oleh pengkaji lepas. Dalam konsep linguistik, simpulan bahasa berada di bawah topik semantik iaitu melihat kajian makna. Dalam kepelbagaiannya tajuk semantik, terdapat topik yang menyentuh mengenai konsep denotatif dan konotatif dalam melihat perkaitan makna dalam sesuatu ujaran. Simpulan bahasa merupakan salah satu topik yang dekat dengan makna denotatif dan konotatif ini kerana terdapat dua makna yang mendasari sesuatu peribahasa. Dalam melaksanakan kajian ini, kaedah soal selidik secara alam maya iaitu menggunakan Google Form telah diberikan kepada seramai 36 pelajar Tahap 1 yang berumur 15 - 16 tahun dan mengikuti pengajian di Kolej PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Data yang didapati daripada borang soal selidik dianalisis untuk melihat sama ada responden memahami konsep makna denotatif dan makna konotatif simpulan bahasa. Hasil dapatan data juga digunakan untuk menganalisis pola bentuk jawapan pelajar mengenai pemahaman mereka konsep denotatif dan konotatif dalam simpulan bahasa.*

**Kata kunci:** Simpulan Bahasa, Pintar Dan Berbakat, Semantik, Makna Denotatif Dan Konotatif

**Abstract:** *Studies on idioms have been done by past researchers. In the linguistic concept, idioms are under the topic of semantics which is looking at the study of meaning. In the variety of semantic titles, there are topics that touch on denotative and connotative concepts in looking at the relationship of meaning in an utterance. Language knot is one of the topics that is close to the denotative and connotative meaning because there are two meanings that underlie a proverb. In carrying out this study, a virtual survey method using Google Form was given to a total of 36 Level 1 students aged 16 and studying at Kolej PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). The data obtained from the questionnaire was analyzed to see if the respondents understood the concept of denotative meaning and connotative meaning of idioms. The results of the data were also used to analyze the pattern of students' answers regarding their understanding of denotative and connotative concepts in idioms.*

**Keywords:** Malay Idioms, Gifted and Talented, Semantic, Denotative and Connotative Meaning

---

## 1. Pendahuluan

Dalam lapangan linguistik, kepelbagaiannya yang telah diperkenalkan oleh pengkaji bahasa yang lepas. Dalam bidang linguistik terdapat istilah yang dipanggil sintaksis, semantik, fonologi dan morfologi. Kesemua bidang linguistik ini mempunyai konsep yang berbeza antara satu sama lain dan sebenarnya berkait rapat antara satu sama lain. Kesemua konsep ini membawa fungsi sebagai perantara dan bahasa dalam kehidupan seharian. Bahasa juga membawa makna dan fungsi yang tersendiri. Fungsi dan makna ini misalnya untuk mengujarkan perasaan, pendapat, luahan rasa dan hati, berkomunikasi dan menyampaikan tujuan. Salah satu medium yang digunakan ialah simpulan bahasa. simpulan bahasa amnya berada di dalam peribahasa Melayu yang popular digunakan. simpulan bahasa membawa maksud kesopanan dan kesantunan dalam berbahasa atas dasar penggunaan unsur tersirat dalam menyampaikan sindiran atau ejekan. simpulan bahasa merupakan satu bukti keunggulan akal budi masyarakat Melayu pada zaman dahulu kerana penciptaannya memerlukan akal dan pemikiran yang tinggi, kreatif dan kritis.

### Makna Denotatif

Makna Denotatif ialah makna yang dikaitkan dengan yang makna yang tersurat atau makna dasar atau asal. Makna tersebut sesuai dengan rujukan atau pemerhatian dan dianggap sebagai makna sebenar (Rohana Jaafar et al., 2015).

### Makna Konotatif

Makna Konotatif ialah makna yang dikaitkan dengan nilai sama ada secara positif atau negatif. Makna konotatif dan dikatakan sebagai makna tambahan atau makna tersirat (Rohana Jaafar et. al., 2015).

### Pelajar Pintar dan Berbakat

Malaysia mempunyai sekumpulan individu yang boleh dikategorikan sebagai individu pintar dan berbakat (Noriah Mohd Ishak, 2019). Menurutnya lagi, nisbah tahun 2017 terdapat lebih kurang 950 kanak-kanak pintar di Malaysia. Noriah et al. (2009) telah melakar satu model pembangunan pintar dan berbakat bersepada yang telah dijadikan panduan untuk memupuk kepintaran murid-murid yang dikenali sebagai pintar dan berbakat di Malaysia. Model ini mengambil kira semua aspek kepintaran sama ada kepintaran emosi, kepintaran intelek dan tambahan kepintaran sosial. Model ini mengikut bentuk Falsafah Pendidikan Negara. Gabungan kepintaran ini akan meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup seseorang dan mengerakkan seseorang dalam menempa kejayaan hidup dan kerjaya. Berpandukan model ini, sebuah program pendidikan untuk murid pintar dan berbakat telah diwujudkan di bawah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) semenjak tahun 2009 sehingga kini. Salah satu bahagian di bawah program ini ialah Kolej PERMATA@Pintar Negara, UKM yang diwujudkan pada tahun 2011 sehingga kini.

## 2. Kajian Lepas

Kajian mengenai simpulan bahasa dilakukan oleh Muhammad Faez Nurazman dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamod (2022) dalam kajiannya Pembangunan Modul Pengajaran Simpulan Bahasa: Analisis Keperluan Guru menunjukkan penggunaan kaedah gambar oleh guru

merupakan kaedah yang paling berkesan. Selain itu, guru juga telah memastikan keadilan diberikan terhadap murid melalui pengajaran mengikut tahap, aktiviti serta bahan yang disandarkan mengikut kesediaan, minat dan profil murid. Dapatkan kajian juga telah memberikan sudut pandang bahawa perlunya untuk membangunkan sebuah modul pengajaran untuk menyampaikan pengajaran yang berkesan. Pembangunan modul ini membantu guru melaksanakan pengajaran simpulan bahasa yang berupaya membantu murid mentafsir makna secara mendalam hingga dapat meneroka akal budi penuturnya dan memberikan keadilan terhadap kepelbagaian murid melalui strategi pengajaran yang inovatif.

Seterusnya, kajian oleh Siti Elmira Jonteng et al. (2021) dalam kajiannya bertajuk Imej Perlambangan tangan dalam Simpulan Bahasa Melayu telah menyimpulkan sebanyak sebelas (11) simpulan bahasa yang bertemakan perangai, sikap dan perbuatan, lima (5) simpulan bahasa bertemakan untung, nasib dan sia-sia, satu (1) bertemakan ilmu pengetahuan dan pelajaran, 5 bertemakan hal-hal kehidupan, satu (1) bertemakan keadaan dan perbandingan dan satu (1) simpulan bahasa bertemakan hal pemerintahan dan adat negeri masih diguna pakai sehingga kini. Pengkaji menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang (RRS) dengan berpandukan data korpus dalam Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Hasil kajiannya mendapat bahawa konsep tangan merupakan bahagian yang terdapat pada anggota badan iaitu dari siku sehingga ke hujung jari dan secara tidak langsung tangan merupakan salah satu daripada anggota badan yang banyak digunakan dalam aktiviti sehari-hari. Pengkaji juga telah mendapat bahawa kajian semantik inkuisitif dapat memberi gambaran keseluruhan yang mendalam terhadap penggunaan lambang ‘tangan’ selain mengetahui makna secara harfiah. Pengkaji menggunakan kajian semantik inkuisitif yang dapat menghuraikan makna sebenar simpulan bahasa tersebut yang memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam menggunakan imej perlambangan “tangan” bagi mencerminkan menyampaikan sesuatu mesej secara tersirat.

Seterusnya, kajian oleh Muhammad Khairul Anam Ishak dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad (2021) yang bertajuk Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Simpulan Bahasa Melayu Tahap 1 Sekolah Rendah: Analisis Pragmatik. Kajian ini melihat kepada analisis buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahap 1 yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil dapatan didapati terdapat 19 simpulan bahasa yang telah dikesan dalam buku teks. Setiap simpulan bahasa ini dapat dikelaskan kepada nilai-nilai murni dalam FPK seperti kerajinan (6 kekerapan, 31.58%), kasih sayang (5 kekerapan, 26.32%), berdikari (4 kekerapan, 21.05%), hormat-menghormati (2 kekerapan, 10.53%), kesederhanaan (1 kekerapan, 5.26%) dan kesyukuran (1 kekerapan, 5.26%). Pengkaji menggunakan kaedah analisis pragmatik iaitu Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) dan Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1986). Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan simpulan bahasa dalam proses PdP mampu menerapkan nilai-nilai yang positif dalam diri pelajar sehingga mampu melahirkan modal insan yang sempurna dalam semua aspek kehidupan. Kesimpulannya yang dapat dibuat ialah penerapan nilai-nilai murni dalam PdP simpulan bahasa dapat diterapkan oleh guru kepada pelajar secara formal dan tidak formal di peringkat sekolah rendah lagi.

Akhir sekali, kajian oleh Muhammad Khairul Anam Ishak dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad (2021) yang bertajuk Asimilasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Simpulan Bahasa. Kajian ini melihat kepada analisis buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahap 1 yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah diasimilasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil dapatan mendapat bahawa terdapat 19 simpulan bahasa yang melibatkan Falsafah Pendidikan

Kebangsaan iaitu kerajinan (6 kekerapan, 31.58%), kasih sayang (5 kekerapan, 26.32%), berdikari (4 kekerapan, 21.05%), hormat menghormati (2 kekerapan, 10.53%), kesederhanaan (1 kekerapan, 5.26%) dan kesyukuran (1 kekerapan, 5.26%). Kajian ini menurut pengkaji hanya menemui lima nilai - nilai murni yang diasimilasikan dalam PdP simpulan bahasa berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pengkaji juga memberikan saranan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengambil inisiatif untuk menambah simpulan bahasa yang berkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bermula daripada PdP sekolah rendah lagi.

Berdasarkan kajian-kajian pengkaji yang lepas, terdapat kelainan dalam kajian melibatkan penggunaan simpulan bahasa. Perbezaan kajian adalah kajian ini melihat kepada pengetahuan dan pemahaman pelajar pintar dan berbakat mengenai makna denotatif dan makna konotatif simpulan bahasa. Perbezaan dapat dilihat iaitu melibatkan responden iaitu pelajar pintar dan berbakat.

### 3. Metodologi Kajian


Kaedah untuk menjalankan kajian ini menggunakan kaedah soal selidik (respon) menggunakan medium *Google Form*. Sasaran responden ialah pelajar berumur 15-17 tahun pelajar Kolej PERMATA@Pintar Negara, UKM yang mengikuti pembelajaran di Tahap 1. Antara soalan yang ditanya ialah pemahaman dan pengetahuan makna denotatif. Antara soalan pemahaman denotatif ialah 1) kaki bangku dengan pilihan jawapan i) hujung tempat duduk dan ii) panahan/tongkat bagi tempat duduk, 2) ibu ayam dengan pilihan jawapan i) induk/ibu kepada anak ayam dan ii) ayam berkокok yang gemar berkокok waktu pagi 3) makan suap dengan pilihan jawapan i) makanan yang perlu disuap dan ii) makan dengan cara bersuap dan 4) anak ikan dengan pilihan jawapan i) ikan kecil yang menetas melalui telur ikan dan ii) lumut yang tumbuh di sekitar kolam ikan.

Manakala soalan memahami makna konotatif antara soalan simpulan bahasa yang ditanya merupakan yang berikut: 1) kaki bangku dengan pilihan jawapan i) tidak pandai bermain bola dan ii) orang biasa sahaja 2) ibu ayam dengan pilihan jawapan i) ibu yang menjual alat kecantikan ii) perempuan yang menjadi penjual wanita untuk menjadikan wanita tidak elok 3) makan suap dengan pilihan jawapan i) terlibat projek besar dan ii) terlibat rasuah dan 4) anak ikan dengan pilihan jawapan i) lelaki muda yang mempunyai hubungan dengan wanita yang lebih tua dan ii) lelaki tua yang mempunyai hubungan dengan wanita lebih muda.

### 4. Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian mendapati pola pemahaman makna denotasi dan konotasi pelajar pintar dan berbakat mencatatkan dapatan berikut:

#### 4.1 Pemahaman Makna Denotatif dan Konotatif Simpulan Bahasa Kaki Bangku



**Rajah 1: Pemahaman Makna Denotatif Simpulan Bahasa Kaki Bangku**



**Rajah 2: Pemahaman Makna Konotatif Simpulan Bahasa Kaki Bangku**

Berdasarkan dapatan data pemahaman makna denotatif simpulan bahasa kaki bangku, sebanyak 69.4 peratus menjawab dengan tepat iaitu panahan/tongkat bagi tempat duduk. Manakala makna konotatif simpulan bahasa kaki bangku sebanyak 100 peratus pelajar menjawab dengan tepat iaitu bermaksud tidak pandai bermain bola.

#### 4.2 Pemahaman Makna Denotatif dan Konotatif Simpulan Bahasa Ibu Ayam



**Rajah 3: Pemahaman Makna Denotatif Simpulan Bahasa Ibu Ayam**



**Rajah 4: Pemahaman Makna Konotatif Simpulan Bahasa Ibu Ayam**

Berdasarkan dapatan data pemahaman makna denotatif simpulan bahasa ibu ayam, sebanyak 100 peratus menjawab dengan tepat iaitu induk/ibu kepada anak ayam. Manakala makna konotatif simpulan bahasa ibu ayam sebanyak 88.9 peratus pelajar menjawab dengan tepat iaitu bermaksud perempuan yang menjadi penjual wanita untuk menjadi wanita tidak elok.

#### 4.3 Pemahaman Makna Denotatif dan Konotatif Simpulan Bahasa Makan Suap




**Rajah 5: Pemahaman Makna Denotatif Simpulan Bahasa Makan Suap**



**Rajah 6: Pemahaman Makna Konotatif Simpulan Bahasa Makan Suap**

Berdasarkan dapatan data pemahaman makna denotatif simpulan bahasa makan suap, sebanyak 71 peratus menjawab dengan tepat iaitu makanan yang perlu disuap. Manakala makna konotatif simpulan bahasa makan suap sebanyak 100 peratus pelajar menjawab dengan tepat iaitu bermaksud terlibat rasuah.

#### 4.4 Pemahaman Makna Denotatif dan Konotatif Simpulan Bahasa Anak Ikan



Rajah 7: Pemahaman Makna Denotatif Simpulan Bahasa Anak Ikan



Rajah 8: Pemahaman Makna Konotatif Simpulan Bahasa Anak Ikan

Berdasarkan dapatan data pemahaman makna denotatif simpulan bahasa anak ikan, sebanyak 100 peratus menjawab dengan tepat iaitu ikan kecil yang menetas melalui telur ikan. Manakala makna konotatif simpulan bahasa anak ikan sebanyak 91.7 peratus pelajar menjawab dengan tepat iaitu bermaksud lelaki muda yang mempunyai hubungan dengan wanita yang lebih tua.

### 5. Kesimpulan

Daripada dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa pemahaman pelajar pintar dan berbakat mengenai konsep denotatif dan makna konotatif mempunyai perbezaan pendapat dan jawapan. Namun, secara keseluruhannya jawapan yang dipilih pelajar merupakan jawapan yang tepat mengenai pemahaman denotasi dan konotatif simpulan bahasa Melayu. Kepelbagaiannya pemahaman makna denotasi simpulan bahasa perlu diperkembangkan kepada semua generasi pelajar tidak mengira umur kerana dengan ini penggunaan simpulan bahasa tidak akan luput walaupun kita sedang mengejar pembangunan moden.

## Penghargaan

Penyelidikan ini disokong oleh geran Dana Penyelidikan Pusat, Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan [nombor geran: GENIUSPINTAR-2022-026]

## Rujukan

- Abdul Rashid Daing Melebek & Amat Juhari Moain (2012) *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Penerbit UKM Press: Bangi
- Brown, R.W. & Ford, M. (1966) Address in American English in Dell Hymes (Ed.), *Language in Culture and Society*, New York: Harper & Row, Ltd., 234 – 244.
- Muhammad Faez Nurazman Amrullah dan Wan Muna Ruzanna Wan Mahamod. 2022. Pembangunan Modul Pengajaran Simpulan Bahasa: Analisis Keperluan Guru dlm. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 12, Bil 2 (Nov) 2022. Atas talian: <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/314>
- Muhammad Khairul Anam Ishak & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2021. dlm. Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Simpulan Bahasa Melayu Tahap 1 Sekolah Rendah: Analisis Pragmatik dlm. *Asian People Jurnal Multidisciplinary Social Science Journal*. Vol 4. No 1. Atas Talian: <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/247>
- Muhammad Khairul Anam Ishak & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2021. Asimilasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Simpulan Bahasa dlm. Borneo International Jurnal eISSN 2636-9826. Vol 4 (1) 2021: 1-11. Atas Talian: <https://majmuah.com/jurnal/index.php/bij/article/view/74/49>
- Rosadah Abdul Majid, Noriah Mohd Ishak dan Melor Md. Yunus. (2009) Kepintaran dan Pintar Cerdas Berbakat: Definisi dan Makna. Bab dalam buku. *PERMATApintar Negara: Pengalaman UKM*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohana Jaafar, Zaharah Abu Asan & Baharudin Dolmat. 2015. *Effective STPM Bahasa Melayu. Penggal 3*. Oxford Fajar: Shah Alam.
- Teo Kok Seong. (2015). *Linguistik Melayu*. Bab dalam Sosiolinguistik. Bab dalam buku. Penerbit UKM Press: Bangi
- Teo Kok Seong (2002). *Sosiolinguistik. ML 2054. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Pusat Pengajian Jarak Jauh: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah, Mary Fatimah Subet. 2021. Imej Perlambangan tangan dalam Simpulan Bahasa Melayu dlm. *Asian People Jurnal Multidisciplinary Social Science Journal* Vol 4 No 1. Atas talian: <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/261>.